A

NGUI TEK CHOI

lwn.

KETUA POLIS DAERAH JOHOR BAHRU & YANG LAIN

B

MAHKAMAH TINGGI MALAYA, JOHOR BAHRU
VERNON ONG LAM KIAT PK
[GUAMAN SIVIL NO: (MT-1) 22-164-2001]
23 JUN 2009

C

POLIS: *Tangkapan - Tangkapan salah - Tuntutan untuk gantirugi - Sama ada tangkapan dan penahanan plaintif munasabah dan sah - Sama ada plaintif mengalami kecederaan semasa di bawah tahanan pihak polis - Kanun Tatacara Jenayah, ss. 23(1), 28, 117*

D

Plaintif menuntut deklarasi dan ganti rugi ke atas defendan-defendan iaitu deklarasi bahawa tangkapan dan penahanan plaintif dari 7 Februari 2001 hingga 8 Februari 2001 dan dari 8 Februari 2001 hingga 14 Februari 2001 adalah tangkapan dan penahanan salah di sisi undang-undang dan kecederaan yang dialami oleh plaintif sewaktu di dalam tahanan. Menurut keterangan bersumpah plaintif,

E

beliau telah ditangkap pada 7 Februari 2001 oleh sepasukan polis berkenaan satu kes kecurian motokar. Soal siasat ke atas plaintif dan siasatan lanjut telah dilakukan dan didapati plaintif tidak terlibat dalam kes curi kereta. Plaintif kemudiannya dibebaskan pada 8 Februari 2001. Walaubagaimanapun, plaintif disyaki terlibat dalam

F

kes kereta curi di kawasan Ulu Tiram dan Plentong dan plaintif ditangkap semula. Majistret telah memberi perintah reman membenarkan plaintif ditahan dari 9 Februari 2001 hingga 14 Februari 2001. Pada 15 Februari 2001, plaintif telah membuat satu laporan polis di mana beliau mengadu bahawa semasa di bawah tahanan,

G

beliau dipukul sehingga mendapat kecederaan di beberapa bahagian tubuh badan. Pemeriksaan ke atas plaintif telah dijalankan oleh SP3 dan SP3 mengesahkan bahawa terdapat lebam-lebam di badan plaintif akibat pemukulan. Bagi pihak polis pula, mereka menafikan dakwaan plaintif ke atas kejadian pukul dan cedera yang dikatakan dilakukan oleh anggota polis ke atas plaintif. Dalam kes ini, isu-isu

H

yang perlu dibicarakan adalah (1) sama ada tangkapan pada 7 Februari 2001 adalah sah; (2) sama ada penahanan bagi tempoh 7 Februari 2001 hingga 8 Februari 2001 adalah sah; (3) sama ada tangkapan pada 8 Februari 2001 adalah sah; (4) sama ada penahanan bagi tempoh 8 Februari 2001 hingga 14 Februari 2001 adalah sah

I

dan (5) sama ada plaintif ada mengalami kecederaan sewaktu di dalam tahanan.

Diputuskan (memerintahkan taksiran gantirugi untuk kecederaan dan penahanan salah bagi penahanan reman kedua):

(1) Menurut jadual di dalam Kanun Tatacara Jenayah (KTJ) kesalahan kecurian motokar adalah satu 'seizable offence'. Maka tangkapan ke atas suspek dalam kes kecurian motokar boleh dibuat tanpa satu waran tangkap ataupun perintah Majistret. Penangkapan plaintif oleh SD1 adalah berdasarkan satu maklumat yang diterima oleh SD1 mengenai satu kes kecurian motokar. SD1 telah menganggap maklumat sebagai satu maklumat yang boleh dipercayai. Oleh yang demikian, SD1 mempunyai 'reasonable suspicion' yang plaintif terlibat dalam kes kecurian motokar. Selepas tangkapan dibuat ke atas plaintif, satu laporan polis (D4) telah dibuat oleh SD1 mengenai tangkapan dan rampasan kereta. Walaubagaimanapun selepas siasatan lanjut dijalankan, plaintif didapati tidak terlibat dan beliau telah dibebaskan pada 8 Februari 2001. Dalam keadaan sedemikian, tindakan yang diambil SD1 adalah teratur dan munasabah. Tangkapan yang dilakukannya tidak bertentangan dengan peruntukan KTJ. Oleh yang demikian, mahkamah mendapati bahawa pada imbangan kebarangkalian tangkapan yang dibuat pada 7 Februari 2001 adalah sah di bawah sisi undang-undang. (perenggan 13)

(2) Mengikut s. 28 KTJ seorang suspek hendaklah dikemukakan di hadapan Majistret jikalau siasatan tidak dapat disempurnakan dalam masa 24 jam dan adanya alasan bagi mempercayai bahawa maklumat adalah berasas, maka di bawah s. 117 KTJ, Majistret boleh membuat perintah reman terhadap suspek bagi tempoh yang diperuntukkan. Di dalam kes ini, oleh sebab tempoh penahanan tidak melebihi daripada 24 jam, maka peruntukan di bawah s. 28 KTJ adalah tidak terpakai. Di dalam tempoh tersebut siasatan telah dijalankan oleh pihak polis ke atas plaintif dan kereta yang dirampas. Selepas siasatan menunjukkan bahawa plaintif tidak terlibat dalam kes berkenaan beliau telah dibebaskan. Oleh yang demikian, mahkamah berpendapat pada imbangan kebarangkalian bahawa penahanan plantif bagi tempoh 7 Februari hingga 8 Februari 2001 tersebut bagi tujuan siasatan adalah munasabah dan sah. (perenggan 15)

(3) Tangkapan pada 8 Februari 2001 ke atas plaintif oleh SD4 berdasarkan kepada satu maklumat yang SD4 terima di mana plaintif juga disyaki terlibat dalam kes kecurian motorkar di Ulu Tiram dan Plentong. Tiada bukti ataupun keterangan yang

dikemukakan di mahkamah bagi menunjukkan bahawa tingkah laku SD4 berniat jahat. Maka tindakan SD4 yang berpandukan kepada maklumat kesalahan kecurian kereta adalah mematuhi ujian 'reasonable suspicion.' Dalam keadaan tersebut mahkamah berpendapat pada imbangan kebarangkalian bahawa penangkapan telah mematuhi peruntukan s. 23(1) KTJ dan adalah sah di bawah sisi undang-undang. (perenggan 16)

(4) Kesilapan nombor report polis pada permohonan reman adalah akibat salah menaip oleh SD4. Adalah jelas bahawa SD4 dan SD2 telah cuai apabila kedua-duanya gagal untuk memastikan suratcara permohonan reman adalah lengkap dan teratur. Namun pada masa permohonan reman dibuat di hadapan Majistret suratcara permohonan reman tidak lengkap dan teratur. Dalam keadaan sebegini permohonan reman sepatutnya ditolak. Justeru itu mahkamah mendapati bahawa perintah reman bertarikh 9 Februari 2001 adalah terbatal dan tidak sah di bawah sisi undang-undang. Walaupun demikian tiada bukti atau keterangan bagi menunjukkan tingkah laku oleh anggota berkenaan berniat jahat. Oleh yang demikian, penahanan plintif bagi tempoh 8 Februari 2001 hingga 14 Februari 2001 adalah tidak sah. (perenggan 17)

(5) Meskipun tiada bukti untuk menunjukkan plaintif telah dipukul dan mengalami kecederaan semasa di bawah tahanan polis, namun terdapat keterangan lain, iaitu laporan polis yang dibuat oleh plaintif pada 15 Februari 2001, keterangan isteri plaintif (SP2), keterangan doktor (SP3) yang memeriksanya, dan laporan perubatan P2. Setelah meneliti segala keterangan mahkamah mendapati bahawa pada tahap kebarangkalian plaintif telah mengalami kecederaan semasa di bawah tahanan pihak polis. (perenggan 19)

[Perintah sekadarnya.]

Kes-kes yang dirujuk:
Shaaban & Ors v. Chong Fook Kam & Anor [1969] 1 LNS 170 PC ***(dirujuk)***

Perundangan yang dirujuk:
Criminal Procedure Code, ss. 23(1)(a), 28, 117

Bagi pihak plaintif - Faizal Abu Bakar; T/n Faizal Siow Brockett & Cho
Bagi pihak defendan-defendan - Habibah Haron PKP (Abdul Malik Ayob (PKP) Talha dan Catherine (TTPR) bersamanya)

Dilaporkan oleh Suhainah Wahiduddin

PENGHAKIMAN

Vernon Ong Lam Kiat PK:

[1] Kes ini merupakan satu tuntutan deklarasi dan ganti rugi plaintif Ngui Teck Choi ('plaintif') ke atas defendan-defendan iaitu deklarasi bahawa tangkapan dan penahanan plaintif dari 7 Februari 2001 hingga 8 Februari 2001 dan dari 8 Februari 2001 hingga 14 Februari 2001 adalah tangkapan dan penahanan salah di sisi undang-undang dan kecederaan yang dialami oleh plaintif sewaktu di dalam tahanan.

Fakta Kes Ringkas

[2] Pada 7 Februari 2001 jam lebih kurang 10.30 malam, plaintif telah ditangkap oleh sepasukan polis yang diketuai oleh C/Insp Balakrishnan a/l Manikam berdasarkan kepada satu maklumat yang mengatakan bahawa plaintif adalah terlibat didalam kecurian sebuah motokar. Selepas penahanan plaintif, beliau telah dibawa ke Balai Polis Plentong. Sebuah motokar jenis Honda berpendaftaran Singapura telah ditahan bersama-sama plaintif. Sebaik dibebaskan dari tangkapan tersebut pada 8 Februari 2001 plaintif telah ditangkap sekali lagi oleh Sjn Mohd Azali bin Awi kerana disyaki terlibat dalam kecurian motokar di kawasan Ulu Tiram dan Plentong. Kemudian plaintif telah dibawa ke hadapan Majistret pada 9 Februari 2001 untuk mendapat perintah tahanan reman. Perintah tahanan reman dikeluarkan oleh Majistret dan tahanan reman telah diperintahkan ke atas plaintif dari tarikh 9 Februari 2001 hingga 14 Februari 2001.

Keterangan Saksi-Saksi

[3] Menurut keterangan bersumpah plaintif, beliau telah ditangkap pada 7 Februari 2001 jam lebih kurang 10.30 malam oleh sepasukan polis dari Balai Polis Plentong berkenaan satu kes kecurian motokar. Plaintif telah dibawa ke Balai Polis Plentong pada jam lebih kurang 11 malam dan ditahan hingga 14 Februari 2001. Plaintif telah diberitahu oleh seorang pegawai polis bahawa tangkapan beliau adalah bersangkutan report polis PTR 1340/01. Semasa di bawah tahanan beliau telah dipukul dan ditendang oleh SD1 dan dipaksa untuk mengaku. Semasa plaintif dibawa ke hadapan Majistret pada 9 Februari 2001 plaintif tidak memberitahu Majistret beliau kena pukul dan sakit. Plaintif tidak berbuat demikian kerana polis ada katakan kepada plaintif kalau beliau beritahu Majistret, beliau akan kena belasah di lokap nanti dan plaintif terlalu takut untuk beritahu

Majistret. Pada hari kebebasan pada 14 Februari 2001 plaintif telah mengarahkan peguambelanya untuk mendapatkan dari mahkamah laporan aduan PTR 1340/01 dan segala minit-minit prosiding di bawah s. 117 Kanun Tatacara Jenayah ('KTJ'). Report polis tersebut sama sekali tidak kena mengena, tidak berkait dan tidak bersabit dengan kecurian motokar. Report polis tersebut adalah sebenarnya berkenaan dengan seorang warganegara Indonesia yang ditahan di bawah Akta Imigresen. Pada 15 Februari 2001 plaintif telah membuat satu report polis (P1) di mana beliau mengadu bahawa semasa di bawah tahanan beliau dipukul sehingga mendapat kecederaan di beberapa bahagian tubuh badan. Selanjutnya plaintif telah pergi ke Hospital Sultanah Aminah Johor Bahru untuk pemeriksaan perubatan.

[4] Pemeriksaan ke atas plaintif telah dijalankan oleh Dr. Kalpana (SP3) dan laporan perubatan (P2) telah disediakan olehnya. Menurut keterangan SP3 pada 16 Februari 2001 jam lebih kurang 8.30 pagi beliau telah memeriksa plaintif di jabatan kecemasaan Hospital Sultanah Aminah, Johor Bahru. Setelah membuat pemeriksaan SP3 mendapati bahawa:

> I found that at that time, his general condition was good with no abnormalities to the system. However, there were some tenderness over both soles of the feet and abrasions and light bruises over lower legs and both forearms and abrasions over both wrists.
>
> ... My impression was that these injuries might have been caused by the assaults. ...
>
> ... He was limping but walking.

[5] Isteri plaintif (SP2) telah mendapat tahu bahawa plaintif telah ditangkap hanya pada 8 Februari 2001 jam lebih kurang 3 pagi. SP2 hanya dibenarkan berjumpa dengan plaintif beberapa hari selepas kemudian. Plaintif telah memberitahu SP2 bahawa beliau ditahan atas sebab disyaki terlibat dengan satu kes kecurian kereta. Plaintif telah mengadu pada SP2 bahawa beliau telah dipukul dengan teruk oleh polis dan beliau berasa sakit dan mahu SP2 mencari seorang peguam untuknya. Oleh kerana SP2 kurang faham mengenai perkara itu SP2 tidak mengambil apa-apa tindakan sendiri dan menunggu sehingga suaminya dibebaskan.

[6] Defendan-defendan telah memanggil empat orang saksi. Pada bulan Februari 2001 C/Insp Balakrishnan a/l Manikam (SD1) bertugas sebagai ketua operasi di JSJ Zon Plentong, IPD Johor Bahru Selatan. Menurut SD1 plaintif telah ditahan dan tangkap

pada malam 7 Februari 2001 kerana beliau mendapat maklumat yang dipercayai Plaintif disyaki terlibat dengan kecurian sebuah motokar. Semasa SD1 cuba menahan plaintif beliau telah cuba melarikan diri dan berlaku pergelutan antara SD1 dan plaintif. Selepas tangkapan SD1 telah membawa plaintif dan rampasan kereta ke BP Plentong untuk siasatan lanjut. Kemudian SD1 telah membuat laporan polis (D4) bersabit tangkapan dan rampasan kereta tersebut. Soal-siasat ke atas plaintif dan siasatan lanjut telah dilakukan didapati plaintif tidak terlibat dalam kes curi kereta. Plaintif kemudiannya dibebaskan pada 8 Februari 2001. Walau bagaimanapun plaintif disyaki terlibat di dalam kes kereta curi di kawasan Ulu Tiram dan Plentong. Selepas dibebaskan plaintif telah ditangkap semula oleh Sjn Azali (SD4). Satu laporan polis (D5) telah dibuat oleh SD4 mengenai tangkapan tersebut. Mengenai aduan plaintif terhadapnya SD1 menganggap dakwaan sebagai plaintif sengaja mereka-reka cerita kerana sewaktu plaintif dibawa ke hadapan Majistret untuk reman plaintif langsung tidak buat apa-apa aduan mengenai pukulan/kecederaan yang dikatakan dibuat oleh SD1 dan anggota polis ke atasnya.

[7] Sjn Mohd Azali bin Awi (SD4) bertugas sebagai Sjn. Operasi Jenayah di BP Plentong pada bulan Februari 2001. Pada 8 Februari 2001 jam lebih kurang 5 petang SD4 telah menangkap plaintif berdasarkan maklumat plaintif disyaki terlibat dalam kes kecurian motokar di Ulu Tiram dan Plentong dan telah kemudiannya dibawa ke BP Plentong untuk disoal-siasat. Kemudiannya SD4 telah membuat report polis berkaitan dengan tangkapan plaintif melalui Plentong report 1740/2001. Pada 9 Februari 2001 SD4 telah menyediakan dokumen-dokumen berkaitan di antaranya Butir-butir Penyiasatan, laporan polis dan permohonan reman. Dokuman-dokumen tersebut telah diserahkan kepada SD2 untuk mendapat perintah tahanan reman. SD4 menyatakan bahawa sebenarnya no. report yang sepatutnya ditaip di dalam Butir-butir Penyiasatan ialah 1740/2001 dan bukannya 1340/2001. Ini merupakan kesilapan menaip oleh SD4. SD4 menegaskan bahawa sewaktu permohonan reman dibuat di hadapan Majistret, report polis 1740/2001 adalah merupakan dokumen yang dikepilkan bersama dengan lain-lain dokumen. SD4 juga menafikan dakwaan plaintif ke atas kejadian pukul dan cedera yang dikatakan dilakukan oleh anggota polis ke atas plaintif serta laporan perubatan plaintif.

[8] Sjn Mjr Annuar Bin Aris (SD2) merupakan Penolong Pegawai Penyiasat Zon Timur Plentong, Johor Bahru. Pada 9 Februari 2001 SD2 telah membawa plaintif ke mahkamah untuk dibuat reman di hadapan Majistret. Pada tarikh tersebut SD2 telah memohon kepada

Majistret untuk perintah reman terhadap plaintif kerana beliau adalah suspek kecurian motokar di kawasan Ulu Tiram dan Plentong. Bagi menyokong permohonan reman SD2 menggunakan Butir-butir Penyiasatan (D6) yang disediakan oleh SD4. D6 adalah berdasarkan kepada aduan no. PTR:1340/2001. Report PTR 1340/2001 tidak pernah dikemukakan atau digunakan oleh SD2 bagi menyokong permohonan reman. Majistret telah memberi perintah reman membenarkan plaintif ditahan dari 9 Februari 2001 hingga 14 Februari 2001.

[9] Pada masa material Cif Insp Helmi bin Hj Yan (SD3) seorang P/Insp di JSJ Zon Plentong, IPD Johore Bahru Selatan dan bertugas sebagai pegawai penyiasat. SD3 telah dimaklumkan mengenai Plentong Report 2058/2001 yang dibuat oleh plaintif pada 15 Februari 2001. Setelah mendapat arahan SD3 telah membuka Kertas Enquiry Penyiasatan (KEP). Tujuan KEP adalah untuk membuat siasatan samada report tersebut adalah betul ataupun tidak. Hasil siasatan ialah tiada orang/anggota yang nampak plaintif telah dipukul atau dicederakan oleh anggota-anggota polis pada waktu kejadian. Anggota-anggota yang terlibat dengan soal-siasat plaintif pada hari kejadian tidak mengaku memukul atau pun mencederakan plaintif.

Isu-Isu

[10] Dalam kes ini isu-isu yang perlu dibicarakan adalah berikut:

(1) Samada tangkapan pada 7 Februari 2001 adalah sah?

(2) Samada penahanan bagi tempoh dari 7 Februari 2001 hingga 8 Februari 2001 adalah sah?

(3) Samada tangkapan pada 8 Februari 2001 adalah sah?

(4) Samada penahanan bagi tempoh 8 Februari 2001 hingga 14 Februari 2001 adalah sah?

(5) Samada kecederaan yang dialami oleh plaintif sewaktu di dalam tahanan?

Samada Tangkapan Pada 7 Februari 2001 Adalah Sah?

[11] Kuasa polis untuk membuat tangkapan termaktub di dalam s. 23(1)(a) Kanun Tatacara Jenayah yang memperuntukan bahawa:

23(1) Any police officer or penghulu may without an order from a Magistrate and without a warrant arrest:

(a) any person who has been concerned in any offence committed anywhere in Malaysia which is a seizable offence under any law in force in that part of Malaysia in which it was committed or against whom a reasonable complaint has been made or credible information has been received or a reasonable suspicion exists of his having been so concerned: (Tekanan ditambah)

[12] Dalam hubungan ini ujian yang terpakai adalah ujian 'reasonable suspicion'. Perkataan 'reasonable suspicion' dalam konteks KTJ tidak mempertimbangkan kemungkinan bukti *prima facie* sebagai syarat bagi membuat tangkapan. Malah perkataan 'reasonable suspicion' dan '*prima facie* proof' mempunyai perbezaan. Dalam erti kata '*prima facie* proof' mengandungi keterangan atau bukti yang boleh diterima pakai; manakala dalam erti kata 'suspicion' perkara yang tidak boleh di terima pakai sebagai keterangan atau bukti boleh diambil kira. Ujian tersebut adalah seperti diputuskan oleh Privy Council di *Shaaban & Ors v. Chong Fook Kam & Anor* [1969] 2 MLJ 219 di ms 221; [1969] 1 LNS 170 seperti berikut:

... *Suspicion in its ordinary meaning is a state of conjecture or surmise where proof is lacking: "I suspect but I cannot prove". Suspicion arises at or near the starting-point of an investigation* of which the obtaining of *prima facie* proof is the end. When such proof has been obtained, the police case is complete; it is ready for trial and passes on to its next stage. It is indeed desirable as a general rule that an arrest should not be made until the case is complete. But if arrest before that were forbidden, it could seriously hamper the police. *To give power to arrest on reasonable suspicion does not mean that it is always or ordinarily to be exercised. It means that there is an executive decision. In the exercise of it many factors have to be considered besides the strength of the case. The possibility of escape, the prevention of further crime and the obstruction of police enquiries are examples of those factors with which all judges who have had to grant or refuse bail are familiar.* There is no serious danger in a large measure of executive discretion in the first instance because in countries where common law principles prevail, the discretion is subject indirectly to judicial control. There is first the power, which their Lordships have just noticed, to grant bail. There is secondly the fact that in such countries there is available only a limited period between the time of the arrest and the institution of proceedings; and if a police officer institutes proceedings without *prima facie* proof, he will run the risk of an action for malicious prosecution. The ordinary effect of this is that a police officer either has something substantially more than reasonable suspicion before he arrests or that, if he has not, he has to act promptly

to verify it. In Malaysia the period available is strictly controlled by the Code. Under section 28 the suspect must be taken before a magistrate at the latest within 24 hours. If the investigation cannot be completed in 24 hours and there are grounds for believing that the accusation or information is well founded, under section 117 the magistrate may order the detention of the accused for a further period not exceeding 15 days in the whole. *By allowing 15 days after arrest for investigation, the Code shows clearly that it does not contemplate prima facie proof as a prerequisite for arrest.*

The test of reasonable suspicion prescribed by the Code is none that has existed in the common law for many years. The law is thus stated in *Bullen and Leake* 3rd edition, p. 795, the, "golden" edition of 1868:

> *A constable is justified in arresting a person without a warrant, upon a reasonable suspicion of a felony having been committed and of the person being guilty of it.*

Their Lordships have not found any English authority in which reasonable suspicion has been equated with *prima facie* proof. In *Dumbell v. Roberts & Ors* [1944] 1 All ER 326 Scott LJ said at page 329:

> The protection of the public is safeguarded by the requirement, alike of the common law and, so far as I know, of all statutes, that the constable shall before arresting satisfy himself that there do in fact exist reasonable grounds for suspicion of guilt. That requirement is very limited. The police are not called upon before acting to have anything like a *prima facie* case for conviction;
>
> There is another distinction between reasonable suspicion and *prima facie* proof. *Prima facie* truth consists of admissible evidence. Suspicion can take into account matters that could not be put in evidence at all. (emphasis added)

[13] Menurut jadual di dalam KTJ kesalahan kecurian motokar adalah satu 'seizable offence'. Maka tangkapan ke atas suspek dalam kes kecurian motokar boleh dibuat tanpa satu waran tangkap ataupun perintah Majistret. Penangkapan plaintif oleh SD1 adalah berdasarkan satu maklumat yang diterima oleh SD1 mengenai satu kes kecurian motokar. SD1 telah menganggap maklumat sebagai satu maklumat yang boleh dipercayai. Oleh yang demikian SD1 mempunyai 'reasonable suspicion' yang plaintif terlibat dalam kes kecurian motokar. Selepas tangkapan dibuat ke atas plaintif satu laporan polis (D4) telah dibuat oleh SD1 mengenai tangkapan dan rampasan kereta. Walau bagaimanapun selepas siasatan lanjut dijalankan plaintif didapati tidak terlibat dan beliau telah dibebaskan

pada 8 Februari 2001 jam lebih kurang 5 petang. Dalam keadaan sedemikian tindakan yang diambil oleh SD1 adalah teratur dan munasabah. Tangkapan yang dilakukannya tidak bertentangan dengan peruntukan KTJ. Oleh yang demikian mahkamah mendapati bahawa pada imbangan kebarangkalian tangkapan yang dibuat pada 7 Februari 2001 adalah sah di bawah sisi undang-undang.

Samada Penahanan Bagi Tempoh Dari 7 Februari 2001 Hingga 8 Februari 2001 Adalah Sah?

[14] Dalam tahanan bagi tempoh tersebut plaintif telah ditahan dari 10.30 malam pada 7 Februari 2001 hingga 5 petang pada 8 Februari 2001. Tempoh masa bagi penahanan adalah selama 18 1/2 jam. Sehubungan ini s. 28 KTJ yang terpakai adalah seperti berikut:

> 28 (1) A police officer making an arrest without a warrant shall without unnecessary delay and subject to the provisions herein as to bail or previous release take or sent the person arrested before a Magistrate.
>
> (2) No police officer shall detain in custody a person arrested without a warrant for a longer period than under all the circumstances of the case is reasonable.
>
> (3) Such period shall not in the absence or after the expiry of a special order of a Magistrate under section 117 exceed 24 hours exclusive of the time necessary for the journey from the place of the arrest to the Magistrate.

[15] Mengikut s. 28 KTJ seorang suspek hendaklah dikemukakan di hadapan Majistret jikalau siasatan tidak dapat disempurnakan dalam masa 24 jam dan adanya alasan bagi mempercayai bahawa maklumat adalah berasas, maka di bawah s. 117 KTJ Majistret boleh membuat perintah reman terhadap suspek bagi tempoh yang diperuntukan. Di dalam kes ini oleh sebab tempoh penahanan tidak melebihi daripada 24 jam maka peruntukan di bawah s. 28 KTJ adalah tidak terpakai. Di dalam tempoh tersebut siasatan telah dijalankan oleh pihak polis ke atas plaintif dan kereta yang dirampas. Selepas siasatan menunjukkan bahawa plaintif tidak terlibat dalam kes berkenaan beliau telah dibebaskan. Oleh yang demikian mahkamah berpendapat pada imbangan kebarangkalian bahawa penahanan plaintif bagi tempoh tersebut bagi tujuan siasatan adalah munasabah dan sah.

Samada Tangkapan Pada 8 Februari 2001 Adalah Sah?

[16] Tangkapan pada 8 Februari 2001 ke atas plaintif oleh SD4 berdasarkan kepada satu maklumat yang SD4 terima di mana plaintif juga disyaki terlibat dalam kes kecurian motokar di Ulu Tiram dan Plentong. Tangkapan telah dibuat di perkarangan BP Plentong. Selepas penangkapan dibuat SD4 telah membuat satu laporan polis berkenaan. SD4 menafikan cadangan peguambela plaintif bahawa tangkapan terhadap plaintif semata-mata untuk mengelakkan 24 jam luput sebelum permohonan reman dibuat. Setelah meneliti keterangan mahkamah berpendapat bahawa keterangan SD4 adalah konsisten dan boleh dipercayai. SD4 telah bertindak menangkap plaintif setelah menerima maklumat mengenai kecurian motokar di Ulu Tiram dan Plentong. Tiada bukti ataupun keterangan yang dikemukakan di mahkamah bagi menunjukkan bahawa tingkah laku SD4 berniat jahat. Maka tindakan SD4 yang berpandukan kepada maklumat kesalahan kecurian kereta adalah mematuhi ujian 'reasonable suspicion'. Dalam keadaan tersebut mahkamah berpendapat pada imbangan kebarangkalian bahawa penangkapan telah mematuhi peruntukan s. 23(1) KTJ dan adalah sah di bawah sisi undang-undang.

Samada Penahanan Bagi Tempoh 8 Februari 2001 Hingga 14 Februari 2001 Adalah Sah?

[17] Selepas tangkapan dibuat SD4 telah membuat report polis berkaitan dengan tangkapan plaintif melalui Plentong report 1740/2001. SD4 juga menyediakan kertas-kertas bagi tujuan permohonan reman. SD4 ada baca permohonan reman selepas ianya disediakan. Walau bagaimanapun no. report polis tercatat di dalam Butir-butir Penyiasatan adalah salah kerana no. '1340/01' ditaip akan tetapi nombor yang berkenaan ialah '1740/01'. Sebenarnya report polis nombor '1340/01' adalah berkaitan dengan penangkapan seorang warga Indonesia bagi kesalahan di bawah Akta Imigresen. Kesilapan nombor report polis adalah akibat salah menaip. SD4 juga mengaku bahawa semasa menyerahkan permohonan reman kepada SD2 beliau tidak sedar tentang kesilapan nombor tersebut. Menurut SD2 beliau ada baca permohonan reman tetapi beliau tidak sedar nombor report polis tercatat dalam permohonan reman adalah '1340/01'. SD2 tidak setuju dengan cadangan peguambela bahawa beliau tidak tunjuk report polis no. '1340/01' kepada Majistret. Tetapi dalam pemeriksaan balas SD2 setuju dengan cadangan peguambela bahawa jika laporan polis no. '1340/01' ditunjuk kepada Majistret, Majistret tidak akan berikan perintah reman. Selepas meneliti keterangan

mahkamah berpendapat bahawa kesilapan nombor report polis pada permohonan reman adalah akibat salah menaip oleh SD4. Walau bagaimanapun adalah jelas bahawa SD4 dan SD2 telah cuai apabila kedua-duanya gagal untuk memastikan suratcara permohonan reman adalah lengkap dan teratur. Namun pada masa permohonan reman dibuat di hadapan Majistret suratcara permohonan reman tidak lengkap dan teratur. Dalam keadaan sebagini permohonan reman sepatutnya ditolak. Justeru itu mahkamah mendapati bahawa perintah reman bertarikh 9 Februari 2001 adalah terbatal dan tidak sah di bawah sisi undang-undang. Walaupun demikian tiada bukti atau keterangan bagi menunjukkan tingkah laku oleh anggota berkenaan berniat jahat. Oleh yang demikian penahanan plaintif bagi tempoh 8 Februari 2001 hingga 14 Februari 2001 adalah tidak sah.

Samada Kecederaan Yang Dialami Oleh Plaintif Sewaktu Di Dalam Tahanan?

[18] Setelah dibebaskan pada 14 Februari 2001 pada kesokan hari dan tanpa ditunda plaintif telah membuat satu laporan polis mengenai kecederaan yang dialaminya semasa tahanan. Plaintif kemudian mendaftarkan diri ke Hospital Sultanah Aminah untuk pemeriksaan perubatan pada 16 Februari 2001. SP3 yang memeriksa plaintif telah mengesahkan bahawa plaintif telah mengalami kecederan pada badannya. Butir-butir kecederaan adalah tercatat dalam laporan perubatan. SP3 merupakan doktor yang bertugas di Hospital Sultanah Aminah pada masa material. Mengikut SP3 kecederaan mungkin dilakukan dari 7 Februari 2001 hingga 14 Februari 2001. SP3 juga mengatakan bahawa kecederaan pada plaintif adalah konsisten dengan aduan beliau bahawa beliau telah dipukul pada 7 Februari 2001. SP3 merupakan satu seorang saksi yang bebas dan tidak menyebelahi mana-mana pihak. Keterangan SP3 adalah konsisten dan kredibil. Maka mahkamah menerima keterangan SP3 berkaitan dengan kecederaan yang dialami oleh plaintif.

[19] Dalam hubungan ini keterangan SD3, pegawai penyiasat yang menyiasat aduan plaintif dibawah laporan polis no. 2058/2001 harus diperiksa dengan teliti. Dalam laporan polis tersebut plaintif telah mengadu bahawa semasa beliau ditahan dari 7 Februari 2001 hingga 14 Februari 2001 beliau telah dipukul dan mendapat kecederaan dibeberapa bahagian tubuh badannya. SD3 telah diarahkan oleh Pegawai Penyiasat Kanan ASP Mohd Shahar supaya membuka Kertas Enquiry Penyiasatan (KEP). Tujuan KEP adalah untuk

menyiasat sama ada aduan plaintif adalah betul ataupun tidak. Hasil daripada siasatan SD3 dapati tiada orang atau anggota yang nampak plaintif telah dipukul atau dicederakan oleh anggota-anggota polis pada waktu kejadian tersebut. Anggota-anggota yang disoal-siasat telah menafikan perkara tersebut. Namun demikian dalam pemeriksaan semula SD3 mengatakan bahawa "Keputusan daripada siasatan yang dijalankan, saya hanya cadangkan tindakan tatatertib diambil terhadap pegawai-pegawai yang terlibat. Tindakan tatatertib diambil terhadap pegawai-pegawai tersebut." Tiada butir-butir lanjut atau keterangan lain bagi memberi gambaran yang lebih lengkap telah dikemukakan. Meskipun tiada bukti untuk menunjukkan plaintif telah dipukul dan mengalami kecederaan semasa di bawah tahanan polis, namun, terdapat keterangan lain, iaitu laporan polis yang dibuat oleh plaintif pada 15 Februari 2001, keterangan isteri plaintif (SP2), keterangan doktor (SP3) yang memeriksanya, dan laporan perubatan P2. Manakala dengan anggapan SD1 bahawa dakwaan plaintif adalah rekaan kerana plaintif tidak membuat apa-apa aduan mengenai pukulan atau kecederaan? Plaintif telah menjelaskan bahawa beliau telah digertak oleh polis dan beliau takut untuk beritahu Majistret. Setelah meneliti segala keterangan mahkamah mendapati bahawa pada tahap kebarangkalian plaintif telah mengalami kecederaan semasa di bawah tahanan pihak polis. Kecederaan yang dialami oleh plaintif adalah seperti tercatat di dalam laporan perubatan P2.

[20] Atas alasan-alasan tersebut mahkamah memerintahkan bahawa:

(1) Penahanan plaintif dari 8 Februari 2001 jam 5 petang hingga 14 Februari 2001 adalah tidak sah di sisi undang-undang.

(2) Ganti rugi am untuk kecederaan dan penahanan salah ditaksir oleh Timbalan Pendaftar.

(3) Ganti rugi khas sebanyak RM900.

(4) Kos.